JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 1/2021

## RUJUKAN: 13 – 21 JANUARI 2021

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Malaysia mula merekodkan kes positif harian empat digit pandemik COVID-19 pada 24 Oktober 2020 (iaitu sejumlah 1,228 kes). Fenomena kes harian empat digit ini direkodkan pada setiap hari bermula awal Disember 2020 sehinggalah rekod tertinggi yang telah dilaporkan pada 16 Januari 2021, iaitu sebanyak 4,029 kes. Sepanjang tempoh gelombang ketiga penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia, trend kes import didapati terkawal walaubagimanapun kes-kes penularan tempatan terus meningkat melibatkan golongan bukan warganegara dan warganegara. Pada permulaan gelombang ketiga pada 20 September 2020, kes-kes lebih tertumpu kepada kumpulan bukan warganegara, iaitu sebanyak 63 peratus dan hanya 37 peratus melibatkan warganegara. Namun perkembangan semasa menunjukkan jangkitan dalam kalangan warganegara semakin meningkat. Sehingga kini, sebanyak 70 peratus kes positif COVID-19 di Malaysia adalah melibatkan warganegara dan hanya 30 peratus bagi bukan warganegara.

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** untuk tempoh 14 hari bemula **jam 12.01 tengah malam, Rabu, 13 Januari 2021** sehingga 26 Januari 2021, sebelum ianya dilanjutkan sehingga 4 Februari 2021. Perintah ini melibatkan **tiga peringkat pelaksanaan** seperti berikut:

a. Pertama, **PKP** ke atas **enam (6) buah negeri** iaitu **Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya** dan **Labuan), Melaka, Johor** dan **Sabah**.
b. Kedua, **PKP Bersyarat (PKPB)** ke atas enam (6) buah negeri iaitu **Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu** dan **Kelantan**.
c. Ketiga, **PKP Pemulihan (PKPP)** pula akan dilaksanakan bagi negeri **Perlis** dan **Sarawak** dan akan diteruskan sepanjang tempoh tersebut.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan **PKP telah diperluas ke seluruh negara kecuali Sarawak iaitu Kedah, Perak, Pahang, Terengganu, Perlis dan Negeri Sembilan** mulai **12.01 tengah malam pada 22 Januari sehingga 4 Februari** setelah mengambilkira bilangan purata kes positif yang terus meningkat di negeri-negeri tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 21 Januari 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 130,152** atau 75.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **41,755 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **3,170 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **172,549 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.7 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **687 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah hanya 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 36.4 peratus**, Zon Selatan (19.9 peratus), Zon Utara (18.3 peratus), Wilayah Malaysia Timur (17.8 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.6 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur dan Selangor** dengan dengan masing-masing **merekodkan 576 dan 545 kes** disusuli Johor (423 kes), Sabah (401 kes), Perak (245 kes) dan Pulau Pinang (171 kes). Sejumlah **642 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **12 kematian terbaru.**

Bagi mengimbangi impak penularan dan daya tahan ekonomi, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dilancarkan untuk mengurangkan beban yang dihadapi rakyat dan ketahanan ekonomi ketika negara sedang berdepan penularan pandemik ini. Pakej bantuan PERMAI telah memperuntukkan sejumlah RM15 bilion dengan sebanyak 22 inisiatif akan dilaksanakan di bawah PERMAI yang berteraskan tiga matlamat. Matlamat pertama iaitu memerangi pandemik COVID-19 yang merangkumi empat inisiatif, manakala matlamat kedua adalah memelihara kebajikan rakyat meliputi lapan inisiatif dan di bawah matlamat ketiga iaitu menyokong kelangsungan perniagaan yang terdiri daripada sepuluh inisiatif.

Keadaan ekonomi global dapat diperhatikan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain mengenai butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

UK: Ledakan pasaran perumahan mulai perlahan, menurut tinjauan. Lonjakan pasar perumahan UK telah mulai memudar, dibendung oleh langkah sekatan pergerakan COVID-19 yang terbaharu dan pemotongan sementara cukai pembelian kediaman yang bakal berakhir tidak lama lagi. Royal Institution of Chartered Surveyors melaporkan jumlah pertanyaan pembeli bar jatuh pada bulan Disember ke paras terendah tujuh bulan 15% daripada 26% pada bulan November. Laporan turut menunjukkan London menunjukkan pertumbuhan harga rumah yang lemah. (Reuters)

ASIA: **Eksport China** terus mencatatkan pertumbuhan yang kuat pada bulan Disember yang didorong oleh permintaan global yang lebih tinggi untuk barangan yang disebabkan oleh wabak. Eksport meningkat 18.1% tahun ke tahun pada bulan Disember, lebih cepat daripada jangkaan pertumbuhan 15.0%. Walaupun begitu, kadar kenaikan adalah lebih perlahan daripada 21.1% yang dicatatkan pada bulan November. Sementara itu, import China meningkat kepada 6.5% daripada 4.5% bulan sebelumnya. Di **Jepun**, pesanan ke atas jentera & peralatan bagi bulan November 2020 meningkat 1.5% berbanding bulan sebelumnya (MoM). Selain itu, **BOJ**

**dilaporkan telah menaikkan penilaian prospek ekonomi semasa** ke atas 3 wilayahnya dan menurunkan penilaian prospek ekonomi ke atas 1 dari keseluruhan 9 wilayah yang ada. Wilayah yang dilihat menunjukkan tanda-tanda pemulihan adalah Hokuriku, Shikoku dan Kyushu-Okinawa. Manakala wilayah yang diturunkan penilaian adalah Hokkaido. Di **India, Indeks Harga Perdagangan Borong** meningkat 1.2% tahun ke tahun pada Disember 2020 berbanding 1.5% yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Indeks harga bagi barangan Makanan perlahan kepada 0.9% pada Disember berbanding 3% pada November 2020. Harga produk pembuatan bertumbuh 4.2% berbanding 3% pada bulan sebelumnya. (RTT & Reuters)

AS: **Inventori Perniagaan AS** meningkat 0.5% bulan ke bulan pada November setelah bertumbuh 0.8% pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh jangkaan peningkatan ekonomi bagi ST4 2020. Inventori runcit meningkat 0.7% berbanding 0.9% pada Oktober 2020 manakala inventori Kenderaan Bermotor bertumbuh 1.9% (Oktober: 1.5%). Sementara itu, **Indeks Harga Pengeluar (PPI) AS** meningkat lebih rendah dari dijangkakan pada Disember 2020. Labor Department AS melaporkan PPI bagi permintaan akhir meningkat 0.3% (Disember) dari 0.1% peningkatan pada bulan sebelumnya. Penganalisis ekonomi menjangkakan PPI meningkat 0.4%. Laporan dari Commerce Department AS menunjukkan **Jualan Runcit AS** terus mencatatkan pertumbuhan negatif pada Disember 2020. Jualan runcit merosot 0.7% berbanding penurunan 1.4% yang dicatatkan pada November 2020. Penurunan penjualan runcit yang berterusan mencerminkan penurunan penjualan yang tinggi oleh peruncit bukan kedai, kedai elektronik dan perkakasan, makanan dan minuman serta kedai serbaneka. Sebaliknya, penjualan stesen minyak meningkat 6.6%.

EU: **Eksport zon Eropah** terus mencatatkan peningkatan pada November untuk ketujuh bulan yang berturut-turut. Eurostat melaporkan jumlah eksport zon Eropah meningkat 2% bulan ke bulan manakala import meningkat 2.4% pada bulan rujukan. Lebihan perdagangan berjumlah Euro25.1 bilion (pelarasan bermusim) berbanding Euro25.2 bilion pada Oktober 2020. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, eksport barangan menurun 1% dan import menurun 4.2%. Jumlah Lebihan dagangan meningkat kepada Euro25.8 bilion berbanding Euro20.2 bilion pada Oktober 2019.

UK: **Ekonomi UK merosot pada bulan November** 2020 apabila sekatan pergerakan ketat baharu diperkenalkan. Walau bagaimanapun, penurunan ini dijangkakan adalah lebih kecil berbanding tahun lepas apabila aktiviti perniagaan dijalankan dengan penyesuaian pelaksanaan jarak sosial dan aktiviti persekolahan tetap dibuka. Penurunan bulanan 2.6% adalah yang pertama sejak April. Kejatuhan ini juga jauh lebih kecil daripada kejatuhan 18.8% pada bulan April semasa sekatan pergerakan pertama UK diperkenalkan. Ekonomi UK menyusut lebih mendalam berbanding negara-negara lain pada Separuh Penggal Pertama 2020 dan kini 8.5% lebih kecil daripada Februari 2020. Sekatan pergerakan ketat yang ketiga dijangka akan menyebabkan ekonomi UK menguncup pada ST1 2021.

ASIA: **Indonesia mencatatkan lebihan Imbangan Perdagangan** sebanyak AS2.1 bilion pada Disember 2020 berbanding defisit AS0.8 bilion pada bulan yang sama

pada tahun sebelumnya. Eksport Indonesia meningkat 14.63% tahun ke tahun manakala Import turun 0.47% tahun ke tahun pada Disember 2020. Di Thailand, **Bank Pusat Thailand (BoT) menyatakan mungkin akan menyemak kembali pertumbuhan KDNK Thailand pada 2021** akibat ancaman gelombang kedua COVID-19. Ancaman gelombang kedua COVID-19 ini dijangka akan memberi kesan 1.0-4.0% ke atas KDNK bergantung kepada tahap kritikal jangkitan dan keberkesanan langkah-langkah kerajaan. Bank pusat sebelum ini telah menurunkan prospek KDNK 2021 menjadi 3.2% dari 3.6% setelah mempertimbangkan beberapa kesan COVID-19.

EU: **Bundesbank memberi amaran bahawa Jerman akan menghadapi kemelesetan semula ekonomi jika** COVID-19 dan sekatan pergerakan yang ketat dilanjutkan. Pemulihan ekonomi dalam ekonomi zon Eropah terbesar itu menjadi perlahan pada tiga bulan terakhir 2020 di tengah kebangkitan jangkitan COVID-19. Kerajaan telah mengenakan semula sekatan pegerakan untuk memerangi wabak tersebut. (RTT)

UK: **Institut Penyelidikan Sosial dan Ekonomi Nasional (NIESR) UK menjangkakan ekonomi negara tersebut akan mencatat pertumbuhan negatif** pada ST1 2021. Jangkaan pertumbuhan negatif ini adalah sejajar dengan sekatan pergerakan yang ketat dalam memerangi penularan COVID-19 dan penyesuaian ekonomi pasca-BREXIT. NIESR meramalkan pertumbuhan negatif -3.4% bagi ST1 2021 berbanding 0.9% peningkatan pada ST4 2020.(RTT)

ASIA: **Ekonomi China** meningkat pesat dengan mencatatkan pertumbuhan 6.5% tahun ke tahun pada ST4 2020. Bagi sepanjang tahun 2020, KDNK China meningkat 2.3% pada tahun 2020, menjadikan negara tersebut sebagai satu-satunya ekonomi utama di dunia yang dapat mengelakkan kemelesetan pada tahun 2020. China dijangka akan terus berkembang pada kadar terpantas dekad ini pada 8.4%. Sementara itu, statistik lain yang diterbitkan menunjukkan **pengeluaran dan pelaburan sektor Pembuatan China** terus mencatatkan pertumbuhan pada Disember 2020. Output Pembuatan meningkat 7.3% tahun ke tahun pada Disember 2020 berbanding 7.0% pada bulan sebelumnya. Bagi sepanjang tahun 2020, output Pembuatan meningkat 2.8% (2019:5.7%). **Di Jepun, output Pembuatan** mencatatkan kejatuhan buat kali pertama dalam jangka masa 6 bulan yang berakhir November 2020. Ministry of Economy, Trade and Industry Jepun melaporkan output Pembuatan susut -0.5% bulan ke bulan berbanding peningkatan 4.0% pada Oktober 2020. Penghantaran jatuh 1.2% bulan ke bulan pada November 2020 berbanding peningkatan 4.9% pada bulan sebelumnya manakala Inventori susut -1.1% berbanding -1.8% padabulan sebelumnya. **Singapura mencatatkan peningkatan eksport domestik bukan minyak (NODX)** 6.8% pada Disember 2020. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan penghantaran produk bukan elektronik seperti Jentera Khusus & Emas Bukan Tujuan Monetari. Ini adalah peningkatan pertama NODX untuk dalam tempoh tiga bulan. Pada November 2020, NODX Singapura turun 5.0%. (Reuters, RTT, CAN & Moningstar)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Lazada Malaysia membantu lebih 70,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** tempatan bagi terus bertahan sepanjang tempoh PKP 2.0 dengan pakej rangsangan yang ditawarkan.

2. **Platform Airasia fresh** mempunyai lebih daripada **3,000 produk dari 200 peniaga dalam talian** yang menawarkan hasil segar mereka yang dapat dihantar terus ke depan pintu pembeli.

3. **60,000 tan minyak masak bersubsidi disediakan setiap bulan** ke seluruh negara oleh kerajaan sejak November 2016 menerusi pembungkusan polibeg 1kg.

4. **Perniagaan makanan di restoran merosot 80 peratus pada hari pertama PKP 2.0** dilaksanakan di enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan), Melaka, Johor dan Sabah.

5. **Malayan Banking Bhd (Maybank) merancang untuk menarik lebih daripada 10,000 peniaga** dan **menyampaikan 1,000 pesanan setiap hari** melalui platform dalam taliannya yang dikenali sebagai Sama-Sama Lokal.

6. **Pelaksanaan skim perjalanan *Periodic Commuting Arrangement (PCA)* dan *Reciprocal Green Lane (RGL)*** antara Malaysia dan Singapura masih diteruskan seperti yang telah dipersetujui walaupun pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP sedang dijalankan di negara ini. **Bermula 11 Januari 2021, skim PCA turut dibuka kepada rakyat Malaysia yang merupakan penduduk tetap Singapura** dan skim RGL pula masih menggunakan peraturan sama yang terpakai bagi perjalanan rentas sempadan untuk perniagaan penting dan tujuan rasmi antara kedua-dua negara.

7. **Kumpulan AirAsia travel, e-commerce dan unit fintech unit airasia.com telah mengadakan perbincangan kerjasama dengan beberapa syarikat penerbangan dari Timur Tengah dan Eropah**. Banyak penerbangan akan dijual melalui platform dalam talian. **Selain menjual tiket penerbangan AirAsia sendiri, mereka juga menjual tiket penerbangan untuk syarikat penerbangan lain**. Pada November yang lepas AirAsia telah mengumumkan kerjasama strategik bersama Turkish Airlines, walau bagaimanapun akibat pendemik, AirAsia telah menjenamakan semula cabang digitalnya sebagai AirAsia Digital.

8. **Inix Technologies Holdings Bhd (Inix) melalui anak syarikat milik penuhnya, Inix Network Sdn Bhd (Inix Network)** telah memohon kelulusan dari KKM untuk mendapatkan **bekalan vaksin Covid-19 dari China iaitu dari syarikat Sinovac Biotech Co Ltd, Cansino Biologics Inc dan Sinopharm China National Biotech Group Co Ltd (CNBG).** Mereka menyasarkan memulakan operasi pembekalan vaksin COVID-19 seawal suku pertama tahun ini.

9. **Genting Malaysia Bhd. menutup sepenuhnya sebuah kasino anak syarikat milik penuhnya di United Kingdom iaitu Genting UK plc**. Ini merupakan penutupan keempat kasino di UK disebabkan cabaran pandemik ke atas industri hiburan.

10. **PETRONAS Chemicals Group (PCG) Berhad merancang untuk membelanjakan RM6 hingga RM7 bilion bagi projek pertumbuhan lima hingga tujuh tahun akan datang dengan RM2 bilion dicadang untuk dibelanjakan pada tahun 2021**. Ketika COVID-19 melanda China dan sekatan serta kawalan dilaksanakan di negara itu, PCG mengalihkan penghantaran dari China ke Asia Tenggara dan India serta selanjutnya ke Australia dan New Zealand.

11. **Keputusan Kerajaan untuk membenarkan sektor perladangan dan komoditi beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) adalah perlu** untuk memastikan proses pemulihan ekonomi negara, sementara rakyat dapat mengakses barang keperluan selama tempoh tersebut. **Ini meliputi semua kegiatan produksi komoditi pertanian seperti kelapa sawit, getah, kayu termasuk perabot, koko, lada, kenaf, dan biodiesel serta industri yang berkaitan untuk pertanian, pekebun kecil, perdagangan, input pertanian, kilang pemprosesan, serta pensijilan.**

12. Antara **inisiatif Kerajaan** untuk meringankan beban pemain industri yang terjejas ekoran pengumuman perintah Kawalan Pergerakan pada 13 – 26 Januari 2021 adalah **pemberian bantuan kewangan *one-off* sebanyak RM500 kepada pemandu teksi dan bas. Inisiatif ini akan memanfaatkan 14,000 pemandu pelancong serta 118,000 pemandu teksi, bas sekolah, bas persiaran, kereta sewa dan e-hailing dengan peruntukan tambahan sebanyak RM66 juta.**

13. **Syarikat dari negara Vietnam iaitu Trung An High-Tech Agriculture Joint Stock akan mengeksport sebanyak 1.6 tan beras wangi bernilai tinggi ke Singapura dan Malaysia**. Sebanyak 450 tan beras ‘Jasmine 85’ akan dieksport ke pasaran Singapura dengan harga AS $680 per tan, sementara 1.15 tan beras wangi ‘Huong Lai’ akan dieksport ke pelanggan di pasaran Malaysia dengan harga AS $750

per tan. Malaysia dan Singapura merupakan 2 daripada 10 pengimport beras Vietnam terbesar.

14. **Volkswagen Group telah menubuhkan pusat pengedaran bahagian serantau yang baru di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor**. Lembaga Pembangunan dan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Volkswagen menyatakan bahawa kemudahan yang terletak di lokasi strategik itu adalah bertujuan untuk **menyediakan rantaian bekalan alat ganti asli ke 21 pasarannya di rantau Asia Pasifik**. Volkswagen Group dilihat mengikuti peningkatan trend penubuhan hab pengedaran global dan serantau di Malaysia oleh syarikat di dalam industri seperti automotif, sains hayat dan alat perubatan elektrik dan elektronik, dan jentera dan peralatan. Kedudukan Malaysia yang strategik disamping mempunyai infrastruktur seperti pelabuhan, lapangan terbang dan institusi kewangan yang cekap dan dipercayai turut dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat ini.

15. **Maxis Business** telah memperkenalkan ***Digital Marketing Starter Kit*** **yang menyediakan platform kepada pengguna terutamanya pengusaha kecil dan sederhana (PKS)** dalam memasarkan produk secara atas talian.

16. Susulan daripada pengumuman khas pakej PERMAI, **pengecualian cukai jualan** ke atas kenderaan penumpang jenis pemasangan **tempatan dan import** telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021.

17. **Harga minyak masak** paket satu kilogram adalah barang kawalan bersubsidi yang dijual pada harga RM2.50 sejak tahun 2007, dan harga minyak tersebut **kekal pada harga RM2.50 walaupun ketika PKP 2.0** dilaksanakan.

18. Antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan semasa PKP 2.0 adalah **kekangan aliran tunai** dan **jumlah jualan yang lebih rendah** disebabkan **penurunan permintaan pelanggan** serta **jangka waktu operasi perniagaan yang lebih pendek** ketika PKP.

19. **Kajian UNICEF di PPR Kuala Lumpur** mendapati skim Bantuan Prihatin Nasional (BPN) adalah **bantuan paling membantu semasa PKP** dan disaran untuk diteruskan.

20. **Perkhidmatan Grab beroperasi seperti biasa** dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

21. Resorts World Genting, Resorts World Away, Resorts World Kijal dan Resorts World Langkawi milik Genting Malaysia Bhd akan **menutup sementara operasi** berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melibatkan enam buah negeri.

22. Kerajaan bersetuju untuk **membenarkan kedai makan** dan perkhidmatan penghantaran makanan beroperasi **sehingga jam 10 malam di negeri yang dikenakan PKP** bermula 22 Januari 2021.

23. Syarikat Shell sedang mengkaji untuk **mengurangkan di antara 250 ke 300 orang pekerja di Malaysia.** Shell juga komited dalam proses tersebut dengan memastikan layanan yang adil mengikut undang-undang dan peraturan buruh di Malaysia.

24. **Kenanga Research** memuji langkah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) **memasukkan semula aktiviti pembuatan automotif** di dalam senarai perkhidmatan diluluskan beroperasi sepanjang tempoh PKP kedua bermula 16 Januari 2021.

25. **Malaysia Budget Hotels Association (MyBHA)** mencadangkan supaya kerajaan **memperkenalkan skim moratorium pinjaman automatik** kepada mereka yang terjejas dengan pelaksanaan semula PKP kedua termasuk ahli persatuan, pekerja dan pemain industri pelancongan.

26. **Sektor penerbangan** dijangka **mengalami risiko kecairan** dan **seterusnya pembubaran** tanpa sokongan dari kerajaan dengan permintaan terhad kepada perjalanan udara pada 2021.

27. ***Malaysian Association of Tour and Travel Agents*** **(MATTA)** menggesa kerajaan **proaktif dengan pelan pemulihan** lebih bersasar **kepada ejen pelancongan** yang terjejas dengan pelaksanaan PKP kedua.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Bayaran BPN 2.0 sebanyak RM2.38 bilion dibuat mulai 21 Januari - Tengku Zafrul**<br><br>Kementerian Kewangan akan mempercepatkan bayaran Fasa Kedua Bantuan Prihatin Nasional (BPN 2.0) berjumlah RM2.38 bilion kepada 11.06 juta penerima merangkumi 10.6 juta penerima sedia ada serta kira-kira 460,000 penerima baharu mulai 21 Januari.<br><br>BPN 2.0 merupakan sebahagian daripada Kerangka Inisiatif Tambahan, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) bernilai RM10 bilion yang telah diumumkan pada 23 September 2020 yang disalurkan menerusi dua fasa pembayaran pada Oktober 2020 dan Januari 2021.<br><br>Jumlah penerima BPN 2.0 merangkumi seramai 11.06 juta penerima iaitu 5.82 juta individu bujang dan 5.24 juta penerima isi rumah dengan jumlah bayaran/peruntukan sebanyak RM7.18 bilion. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1921493 |
| 2. | **The Star** | **Covid-19 accelerated growth of Malaysia's digital economy, says PM at Asean meeting**<br><br>Global Covid-19 pandemic has accelerated the growth of digital economy in Malaysia. The government has identified the | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/21/covid-19-accelerated-growth-of-malaysia039s-digital-economy-says-pm-at-asean-meeting |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | digital economy as one of the key economic growth areas.<br><br>Empowering Malaysians with digital skills, enabling digitally-powered businesses and driving digital investments among the focus under the Shared Prosperity Vision.<br><br>Malaysia hosted the (Asean Digital Ministers Meeting) ADGMIN1 which will coordinate the development of the Asean Digital Masterplan 2025 (ADM2025). | |
| 3. | **New Straits Times** | **Economic impact of latest MCO will be manageable, says PM [NSTTV]**<br><br>PM Tan Sri Muhyiddin Yassin expressed optimism over the impact of MCO to the economy this year, saying it will be "manageable". According to PM, economic growth would continueto be supported by strong exports sector and the global trade recovery.<br><br>In comparison with last MCO, the implementation of current MCO allows more economics activities to operate, hence the economy is expected to be better this year.<br><br>In Q2 2020, there was a significant decline in GDP with big spike in unemployment rate.<br><br>After the implementation of economic stimulus package, Malaysia managed to achieve a | New Straits Times, 18 Jan - Economic impact of latest MCO will be manageable, says PM [NSTTV]- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | smaller GDP contraction rate from 17.1 to 2.7 per cent, and a reduction in the unemployment rate from 5.1 (Q2) to 4.7 (Q3) per cent.<br><br>2021 Budget and Permai assistance package will boost the consumption.<br><br>Permai packages worth RM305 billion, equivalent to more 20 per cent of the country's GDP will people and businesses. | |
| 4. | **The Star** | **Empowering SMEs on digital marketing**<br><br>The Digital Marketing Starter Kit intorduced by Maxis Business is an all-in-one digital marketing platform whereby users can drive sales online and offline by launching their own digital marketing campaigns.<br><br>It enables entrepeneurs to identify the right audience based on their industry and retarget customers. By identifying and reaching out to the right target audience for a specific industry, the business will acquire more customers and its online presence will increase quickly.<br><br>Maxis Business has come up with different packages to suit every business need from as low as RM4 a day (with the SME Digitalisation grant). | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/21/empowering-smes-on-digital-marketing |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The SME Digitalisation grant is a collaborative effort between Bank Simpanan Nasional, SME Bank and the MDEC. Applicants can enjoy a grant of up to 50% or a maximum of RM5,000 of the total invoice amount. | |
| 5. | **The Edge Market** | **Pertama Digital urges lifting of FPX limit as digital bail collections expected to jump in 2021 amid pandemic**<br><br>Pertama Digital expects total bail collections to swell by 10 times to RM450 million.<br><br>To date, the solution has been implemented in 133 court locations. They are also looking at expanding its digital bail system for police remands and the Syariah criminal courts. | https://www.theedgemarkets.com/article/pertama-digital-urges-lifting-fpx-limit-digital-bail-collections-expected-jump-2021-amid |
| 6. | **The Edge Market** | **Malaysia should be developed as a digital nation**<br><br>Among the proposed initiatives include digital transformation for Small and Medium Enterprises (SMEs) such as sustainable development to assist SMEs from offline to online, and the digitisation of the financial system and public administration.<br><br>Online e-commerce policies also need to be aligned with international regulations; secure cross-border data sharing which is protected by strict rules; digital infrastructure and (digital) skill gaps need to | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-should-be-developed-digital-nation |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | be improved in terms of training and education.<br><br>With the right infrastructure and access to the Internet, the digital age could be 'the great equaliser' that allowed the community to use online technology, and in turn, contribute directly to the digital economy. | |
| 7. | **The Edge Market** | **Resorts World Genting announces temporary shutdown as Pahang placed under MCO**<br><br>Resorts World Genting (RWG) is temporarily shutting operations, in line with the government's plan to implement the movement control order (MCO) in Pahang. | https://www.theedgemarkets.com/article/resorts-world-genting-announces-temporary-shutdown-pahang-placed-under-mco |
| 8. | **Bernama** | **Celcom introduces Celcom Cloud Suite to accelerate digital adoption**<br><br>Celcom Cloud Suite is an affordable enterprise-class cloud service to accelerate digital adoption among local enterprises and businesses.<br><br>The solution focuses on Infrastructure as a Service (IaaS) and Platform as a Service (PaaS). | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1924237 |
| 9. | **Bernama** | **MATRADE Jeddah to intensify export sales via digital platforms**<br><br>To support the business community remotely, among | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1924198 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the measures taken mainly through virtual initiatives in the form of online business-to-business meeting (eBizMatch), trade briefings, pitching session and webinar.<br><br>Most of the sought-after products were mainly medical devices, pharmaceutical products, rubber gloves, palm oil-based products, automotive & components, and other food & beverages during the peak of the pandemic last year.<br><br>Malaysia's trade with Saudi Arabia between January to November 2020 amounted to RM18.93 billion, down by 8.6 per cent from 2019 due to the pandemic, with exports at RM3.80 billion and imports at RM15.13 billion. | |
| 10. | **The Star** | **Singapore unveils key economic strategies**<br><br>To drive economic recovery and position the country for continuous growth, Singapore would focus on four key strategies this year.<br><br>First, it will work to strengthen its position as a critical node in the global value chain.<br><br>Secondly, Singapore's stratergy to identify the best global companies in niche areas it wants to anchor in Singapore and building a strong ecosystem to support them has been successful. | Singapore unveils key economic strategies |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Next, Singapore will also forge new trade rules in forward-looking areas such as data, finance and technology. The digital economy agreements (DEAs) is expected to accelerate the development of digital economy in the nation.<br><br>Last but not least, the country will pursue an innovation-led and sustainable economy. Besides strengthening its research networks and supporting small companies to close the innovation and enterprise loop, Singapore would also encourage companies to innovate and develop new solutions for regional and global markets. | |
| 11. | **BTC Manager** | **Nevada Governor Includes Blockchain Technology Development in Economic Blueprint**<br><br>Governor of Nevada outlined the economic recovery plans that includes development of “Innovation Zones”, which would encourage blockchain-focused firms to thrive in the state.<br><br>“It’s a proposal that we’re developing. What you’re going to see is an opportunity for major investment – and when I’m talking about major investment I’m talking about nine-figure investment in these businesses in these zones that will allow for a jump-start,”said the Governor. | Nevada Governor Includes Blockchain Technology Development in Economic Blueprint |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Apart from Nevada, other states in the U.S. have also adopted blockchain technology and crypto. Other states that are currently going big on blockchain includes Wyoming and Kentucky. | |
| 12. | **Sinar Harian** | **PKP: Ketengah tawar moratorium**<br><br>Bagi meringankan beban peminjam dan penyewa, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) bersetuju untuk menawarkan moratorium selama enam bulan kepada peminjam dan penyewa di bawah agensi tersebut.<br><br>Selain itu, agensi tersebut turut memberi bantuan seperti pengecualian penyewaan premis perniagaan dan rumah kediaman, penangguhan bayaran sewa beli rumah kediaman dan pemberian bantuan kewangan sebanyak RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong. | https://www.sinarharian.com.my/article/120187/BERITA/Nasional/PKP-Ketengah-tawar-moratorium |
| 13. | **Berita Harian** | **Sarawak peruntuk RM405 juta bantu rakyat terkesan COVID-19**<br><br>Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 5.0 (BKSS 5.0) telah diumumkan oleh Ketua Menteri bagi mengurangkan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.<br><br>Antara bantuan yang dilaksanakan adalah diskaun 5 peratus hingga 25 peratus bagi bil elektrik untuk pengguna domestik, komersial dan industri mulai bulan Januari hingga Jun | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/778497/sarawak-peruntuk-rm405-juta-bantu-rakyat-terkesan-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 2021, diskaun antara 10 peratus hingga 25 peratus bil air, diskaun 50 peratus bagi sewa pasar dan gerai untuk tempoh enam bulan, pengecualian bayaran permit dan lesen perniagaan kepada peniaga, penjaja, peniaga pasar malam dan pasar tamu dan sebagainya. | |
| 14. | **Berita Harian** | **Melaka kawal belian minyak masak paket bersubsidi**<br><br>Dalam usaha menangani kekurangan bekalan minyak dalam pasaran, pembelian minyak masak bersubsidi berkapasiti sekilogram setiap satu mengehadkan penjualan minyak masak paket kepada pengguna sebanyak tiga paket sahaja. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/778476/melaka-kawal-belian-minyak-masak-paket-bersubsidi |

Penemuan penting & isu:

1. Penerimaan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 akan dilaksanakan pada bermula 21 Januari 2021. Bayaran BPN 2.0 berjumlah RM2.38 bilion akan disalurkan kepada 11.06 juta penerima merangkumi 10.6 juta penerima sedia ada serta kira-kira 460,000 penerima.

2. Bantuan PERMAI sebanyak RM15 billion telah diperuntukkan bagi membantu rakyat dan perniagaan yang terjejas berikutan pelaksanaan PKP kali kedua. Proses permohonan i-Sinar dibawah pakej PERMAI juga telah dipermudahkan dimana pemohon hanya perlu memuatnaik dokumen sokongan secara atas talian. Pembayaran i-Sinar akan dibuat mulai 26 Januari.

3. Maxis Business telah memperkenalkan *Digital Marketing Starter Kit* yang menyediakan platform kepada pengguna terutamanya pengusaha kecil dan sederhana (PKS) dalam memasarkan produk secara atas talian. Pelanggan yang telah dikenal pasti akan membantu pengguna untuk mempromosikan barangan melalui laman media sosial dan pengiklanan barangan dilaksanakan melalui SMS. Data-data yang dikumpul dapat membantu pengguna untuk merancang aktiviti promosi dan jual beli di masa hadapan.

4. Antara langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara digital adalah seperti pembangunan PKS yang mampan secara atas talian, mendigitalkan sistem kewangan negara dan pentadbiran awam. Selain itu, polisi berkaitan e-dagang hendaklah selari dengan peraturan di peringkat antarabangsa di

samping jurang kemahiran berkaitan infrastruktur digital perlu diperbaiki melalui latihan dan pendidikan.

5. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) menawarkan moratorium selama enam bulan bagi meringankan beban peminjam dan penyewa di bawah agensi itu akibat penularan pandemik Covid-19. Selain itu, agensi tersebut turut memberi bantuan seperti pengecualian penyewaan premis perniagaan dan rumah kediaman, penangguhan bayaran sewa beli rumah kediaman dan pemberian bantuan kewangan sebanyak RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong.

6. Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 5.0 (BKSS 5.0). Terdapat 11 langkah yang digariskan dalam bantuan tersebut bagi mengurangkan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Antara bantuan yang dilaksanakan adalah diskaun 5 peratus hingga 25 peratus bagi bil elektrik untuk pengguna domestik, komersial dan industri mulai bulan Januari hingga Jun 2021, diskaun antara 10 peratus hingga 25 peratus bil air, diskaun 50 peratus bagi sewa pasar dan gerai untuk tempoh enam bulan, pengecualian bayaran permit dan lesen perniagaan kepada peniaga, penjaja, peniaga pasar malam dan pasar tamu, diskaun 30 peratus untuk pembayaran cukai tanah bagi tahun 2021 dan sebagainya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bayaran BPN 2.0 akan memberi kesan kepada perbelanjaan penggunaan akhir swasta (PFCE) di mana dilihat akan memacu pertumbuhan ekonomi domestik di mana sumbangan PFCE kepada KDNK menghampiri 60 peratus. Bantuan yang diberikan akan menggalakkan permintaan domestik dan seterusnya menjana ekonomi negara.

2. Impak PKP kali kedua terhadap ekonomi dijangka tidak seburuk PKP kali pertama. Selain terdapat lebih banyak sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi, Bajet 2021 dan Pakej Bantuan PERMAI juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi dengan lebih cepat. Berdasarkan pengalaman dari PKP yang lepas, kerajaan dijangka akan lebih bersedia untuk menangani risiko ekonomi di negara ini.

3. Inisiatif yang dilancarkan oleh beberapa syarikat perkhidmatan dapat menggalakkan usahawan terutamanya PKS untuk menggunakan teknologi seperti platform e-Dagang dalam memasarkan produk kepada pelanggan secara tersasar. Melalui langkah ini, kos perniagaan dapat dikurangkan dan aktiviti pemasaran dapat diperluaskan. Pada tahun 2019, sumbangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada ekonomi negara adalah sebanyak 19.1% atau RM289.2 bilion iaitu pertumbuhan sebanyak 7.1%. Sumbangan e-Dagang sahaja menunjukkan trend peningkatan di

| | | | |
|---|---|---|---|
| | mana kadar pertumbuhan tahunan bagi tempoh 2010 hingga 2019 adalah sebanyak 14.4%.<br><br>4. Pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan negeri merupakan langkah terbaik dalam membantu mengimbangi kesan negatif ke atas ekonomi dan pendapatan boleh guna. Terdapat beberapa inisiatif bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan menyokong para peniaga terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran ekonomi yang agak muram pada masa ini. | | |
| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Star**<br><br>**Non essential** | **Volkswagen Group sets up regional distribution centre in Malaysia**<br><br>Volkswagen Group has set up its new regional parts distribution centre in Port of Tanjung Pelepas, Johor.<br><br>The strategically located facility aimed to provide a robust genuine parts supply chain to 21 markets in the Asia Pacific region. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/14/volkswagen-group-sets-up-regional-distribution-centre-in-malaysia |
| 2. | **Berita Harian**<br>**Essential** | **Shell Malaysia kurangkan dua peratus tenaga kerja**<br><br>Shell Malaysia akan mengurangkan dua peratus tenaga kerjanya secara berperingkat dalam tempoh dua tahun sebagai sebahagian usaha penyusunan semula organisasi itu.<br>Tenaga kerja dari perniagaan huluan adalah yang paling ramai akan dikurangkan iaitu antara 250 hingga 300 pekerja ketika ia menyasar menambah baik kecekapan operasinya untuk berdepan landskap perniagaan yang mencabar. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/01/775780/shell-malaysia-kurangkan-dua-peratus-tenaga-kerja |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Bernama**<br><br>**Essential** | **Harga jualan purata sarung tangan dijangka susut pada separuh pertama 2021**<br><br>AmInvestment Bank Bhd menjangka harga jualan purata (ASP) bagi sarung tangan getah akan merosot kerana tidak ada keperluan terdesak ke atas produk itu berbanding seperti yang berlaku semasa pandemik COVID-19 baru bermula. Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia menjangkakan permintaan terhadap sarung tangan akan kekal positif bagi pasca COVID-19 disebabkan pandemik itu telah meningkatkan kesedaran mengenai kebersihan diri, sekali gus meningkatkan penggunaan sarung tangan. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1921426 |
| 4. | **New Straits Times**<br><br>**Essential** | **CPO to see higher price from India exports, demand from HORECA sector**<br><br>Domestic crude palm oil (CPO) price is expected to see better performance coming from exports to India as well as higher demand from the country's HORECA (hotel/restaurant/cafe) sector. According to MIDF Research, export demand climbed by 24.7 per cent month-on-month (mom) to about 1.62 million tonnes, mainly driven by massive recovery in palm oil exports to India to about 548,400 tonnes from 204,000 tonnes in November last year. | https://www.nst.com.my/business/2021/01/656686/cpo-see-higher-price-india-exports-demand-horeca-sector |
| 5. | **Berita Harian**<br><br>**Non essential** | **Syarikat automotif patuh arahan henti sementara pengeluaran** | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/01/776482/syarikat-automotif-patuh- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Beberapa pengeluar automotif menghentikan sementara pengeluaran berikutan Langkah kerajaan yang tidak meletakkan industri tersebut sebagai perkhidmatan perlu. | arahan-henti-sementara-pengeluaran |
| 6. | **The Sun Daily**<br><br>**Essential** | **Golden lifeline**<br><br>At a time when extra financing is much needed, Jewellery shops are offering cash-strapped gold owners an option to raise more funds and make ends meet | https://www.thesundaily.my/local/golden-lifeline-MC6127916 |
| 7. | **The Malaysian Reserve**<br><br>**Essential** | **AirAsia Fresh to deliver fresh groceries at your doorstep**<br><br>The Airasia.com super app now has a new feature called "airasia fresh,". Its newly embedded grocery shopping platform offering products from fresh perishables to everyday essentials, which allows users to order for delivery. | https://themalaysianreserve.com/2021/01/15/airasia-fresh-to-deliver-fresh-groceries-at-your-doorstep/ |
| 8. | **Harian Metro**<br><br>**Essential** | **GPPPKMM beri komitmen**<br><br>Kelonggaran SOP yang ditetapkan kerajaan mengambil kira nasib golongan berpendapatan rendah (B40) membabitkan lebih 200,000 ahli Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) di seluruh negara yang terjejas teruk akibat penularan wabak Covid-19. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/665309/gpppkmm-beri-komitmen |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Bernama**<br><br>**Non essential** | **Toyota Capital Malaysia perkenal program langganan kereta Islamik pertama dunia**<br><br>Toyota Capital Malaysia memperkenalkan Kinto One, program langganan kereta Islamik pertama dunia, yang menawarkan medium baharu kepada pelanggan untuk memiliki dan memandu kenderaan tanpa perlu terbeban dengan kaedah pembelian sewa-beli kenderaan secara tradisional sebelum ini.<br><br>Program ini disasarkan untuk memenuhi keperluan generasi muda pemilik kenderaan yang inginkan kebebasan dan mobiliti melalui pelan langganan bulanan dengan ansuran tetap dan inklusif. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1923035 |
| 10. | **Bernama**<br><br>**Essential** | **Lazada Malaysia lancar 'Pakej Kedai 2.0' bernilai RM44 juta bagi bantu PKS**<br><br>Lazada Malaysia mengambil langkah bagi membantu lebih 70,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan bagi terus bertahan sepanjang tempoh PKP 2.0 dengan pakej rangsangannya, 'Pakej Kedai 2.0', bernilai RM44 juta.<br><br>Pakej Kedai Pintar 2.0 akan membantu mengurangkan sepenuhnya halangan kepada pendigitalan berikutan PKS dengan sedikit atau malah sifar pengalaman dalam e-dagang dengan mudah dapat mempelbagaikan aliran pendapatan mereka daripada | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1923214 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kedai secara fizikal kepada klik tanpa menanggung sebarang kos modal tambahan. | |
| 11. | **The malaysian Reserve**<br><br>**Essential** | **KPDNHEP: Only 1kg cooking oil is subsidized**<br><br>The purpose of the government to maintain the subsidy for cooking oil in 1kg packet is to ensure that the people can still get the supply of cooking oil for household use at an affordable price of RM2.50 per kg. 60,000 tonnes of subsidised cooking oil is provided every month to be distributed nationwide, including in rural areas, and the amount is sufficient for the use of Malaysians. | https://themalaysianreserve.com/2021/01/18/kpdnhep-only-1kg-cooking-oil-is-subsidised/ |
| 12. | **Berita Harian**<br><br>**Non essential** | **Industri automotif dijangka terus dapat permintaan**<br><br>Berdasarkan Kaji Selidik Pengguna yang dijalankan oleh Carsome mendapati responden di Malaysia yang berhasrat membeli kereta telah meningkat sebanyak 32 peratus berbanding tempoh sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Selain itu, hasil dapatan dari kajian ini mendapati ramai rakyat Malaysia yang berhasrat membeli kereta dalam tempoh enam bulan ini.<br><br>Ini berikutan sebahagian besar daripada pengguna di tiga negara itu tidak selesa menggunakan pengangkutan awam selepas tempoh penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan kerana | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/666408/industri-automotif-dijangka-terus-dapat-permintaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bimbang dijangkiti virus berkenaan.<br><br>Industri kereta terpakai dilihat berada dalam kedudukan baik kerana tidak membabitkan sebarang tempoh menunggu penghantaran kereta. | |
| 13. | **Berita Harian**<br><br>**Non essential** | **Pakej rangsangan lonjak semula industri automotif**<br><br>Pelbagai pakej rangsangan ekonomi kerajaan akan melonjakkan semula pasaran automotif tempatan dengan sasaran jumlah keseluruhan industri (TIV) yang lebih tinggi pada 2021 berbanding tahun lalu.<br><br>Unjuran sebanyak 570,000 unit dengan peningkatan lapan peratus atau 40,566 unit berbanding 2020. Kenderaan penumpang merekodkan jualan 480,965 unit manakala kenderaan komersil sebanyak 48,469 unit.<br><br>Antara sebab unjuran tinggi pada 2021 adalah kerana pemulihan ekonomi global dan dalam negara, lanjutan insentif pengecualian cukai jualan untuk kenderaan penumpang sehingga 30 Jun ini serta kadar pinjaman sewa beli yang lebih rendah akan membantu merancakkan jualan automotif. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/01/778422/pakej-rangsangan-lonjak-semula-industri-automotif |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 14. | **Astro Awani**<br><br>**Essential** | **PKP 2.0: Penerbangan domestik AirAsia kekal beroperasi, kebenaran PDRM diperlukan** | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-20-penerbangan- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Perkhidmatan penerbangan domestic AirAsia kekal beroperasi semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 13 hingga 26 Januari 2021.<br><br>Para tetamu yang mempunyai tempahan penerbangan antara 13 dan 26 Januari 2021 yang tidak dapat melakukan perjalanan dalam tempoh ini boleh membatalkan penerbangan mereka secara sukarela dan memilih perubahan tarikh penerbangan tanpa had dan tanpa bayaran tambahan, tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk. | domestik-airasia-kekal-beroperasi-kebenaran-pdrm-diperlukan-277346 |
| 15. | **Astro Awani**<br><br>**Essential** | **PKP: Jumlah kenderaan masih tinggi di P. Pinang**<br><br>Jumlah kenderaan di beberapa lokasi jalan raya di Pulau Pinang tidak menunjukkan penurunan ketara walaupun negeri itu diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama dua minggu, bermula Rabu. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-jumlah-kenderaan-masih-tinggi-di-p-pinang-277645 |
| | **C. Subsektor Perkhidmatan Makanan & Minuman** | | |
| 16. | **Malaysiakini**<br><br>**Essential** | **Hari pertama PKP 2.0, restoran catat kemerosotan 80% - Presma**<br><br>Hari pertama PKP 2.0 mendapati perniagaan merosot sehingga mencecah 80 peratus sekaligus menjejaskan pendapatan ahli.<br><br>Bagi kawasan bawah PKP 2.0, restoran, trak makanan, gerai makanan, dan tempat makan lain | https://www.malaysiakini.com/news/558770 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | hanya dibenarkan beroperasi pada jam enam pagi hingga lapan malam.<br><br>Orang awam juga tidak dibenarkan makan dalam restoran dan cuma membuat perkhidmatan bawa pulang, dan penghantaran sahaja. | |
| | **D. Subsektor Kewangan** | | |
| 17. | **Bernama**<br><br>**Essential** | **Maybank sasar 10,000 peniaga melalui platform Sama-Sama local**<br><br>Sama-Sama Lokal yang dilancarkan pada pertengahan April tahun lepas telah mendapat sambutan hebat daripada perniagaan tempatan seperti penjaja, pasar dan kedai runcit termasuk penyedia perkakasan rumah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada pertengahan Mac 2020.<br><br>Malayan Banking Bhd (Maybank) merancang untuk menarik lebih daripada 10,000 peniaga dan menyampaikan 1,000 pesanan setiap hari melalui platform dalam taliannya yang dikenali sebagai Sama-Sama Lokal menjelang akhir tahun. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1921955 |
| 18. | **Harian Metro** | **Peniaga kecil mohon kerajaan pertimbang geran, lanjutan moratorium**<br><br>Kerajaan diminta supaya mempertimbangkan untuk memberi geran seperti yang diberikan di Sabah iaitu geran | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/665452/peniaga-kecil-mohon-kerajaan-pertimbang-geran-lanjutan-moratorium |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sebanyak RM1,000 sebagai modal pusingan untuk peniaga kecil. Kerajaan turut diminta mempertimbangkan lanjutan moratorium pinjaman atau dari segi bayaran lesen dan sewa sehingga enam bulan. | |
| 19. | **The Edge Markets** | **Banks may continue to use MGS, MGII to meet SRR compliance until end-2022**<br><br>Bank Negara Malaysia (BNM) has announced the extension of the flexibility for banking institutions to use Malaysian Government Securities (MGS) and Malaysian Government Investment Issues (MGII) to meet the statutory reserve requirement (SRR) compliance until Dec 31, 2022. | https://www.theedgemarkets.com/article/banks-may-continue-use-mgs-mgii-meet-srr-compliance-until-end2022 |
| 20. | **New Straits Times** | **MCO 2.0 to prolong Malaysian banks' recovery: Fitch**<br><br>The Movement Control Order (MCO) 2.0 will heighten Malaysian banks' asset quality risks and lengthen their road to recovery beyond 2021, said Fitch Ratings.<br><br>The firm expects bank earnings to remain under pressure as credit costs rise, but the risks of widespread loan losses leading to capital impairment remained limited unless the economy deteriorated. | https://www.nst.com.my/business/2021/01/659137/mco-20-prolong-malaysian-banks-recovery-fitch |
3. Kerajaan bersetuju untuk membenarkan perkhidmatan dobi layan diri di kawasan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) beroperasi dari jam 6 pagi hingga 8 malam dengan syarat terdapat pekerja yang hadir untuk memantau pematuhan SOP. Walau bagaimanapun, pengusaha kedai dobi tersebut harus memastikan pelanggan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) sebagai langkah untuk membendung penyebaran COVID-19.

4. Keputusan Kerajaan untuk membenarkan sektor perladangan dan komoditi beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) adalah perlu untuk memastikan proses pemulihan ekonomi negara, sementara rakyat dapat mengakses barang keperluan selama tempoh tersebut. Ini meliputi semua kegiatan produksi komoditi pertanian seperti kelapa sawit, getah, kayu termasuk perabot, koko, lada, kenaf, dan biodiesel serta industri yang berkaitan untuk pertanian, pekebun kecil, perdagangan, input pertanian, kilang pemprosesan, serta pensijilan.

5. Antara inisiatif Kerajaan untuk meringankan beban pemain industri yang terjejas ekoran pengumuman perintah Kawalan Pergerakan pada 13 – 26 Januari 2021 adalah pemberian bantuan kewangan *one-off* sebanyak RM500 kepada pemandu teksi dan bas. Inisiatif ini akan memanfaatkan 14,000 pemandu pelancong serta 118,000 pemandu teksi, bas sekolah, bas persiaran, kereta sewa dan e-hailing dengan peruntukan tambahan sebanyak RM66 juta.

6. Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mengambil inisiatif menawarkan potongan harga sehingga 15 peratus bagi kesemua hasil laut. Inisiatif tersebut bertujuan membantu nelayan tempatan yang terkesan dengan pelaksanaan PKP dalam memasarkan hasil laut, di samping menyediakan perkhidmatan penghantaran ikan segar. Sejumlah RM2.055 juta diperolehi oleh Nekmat menerusi inisiatif yang bermula sejak pelaksanaan PKP pada 18 Mac hingga hari ini dengan jualan hasil laut segar sebanyak 219 tan metrik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Sektor Pelancongan negeri Kedah turut terkesan terutamanya bagi Pulau Langkawi susulan daripada pengumuman Kerajaan untuk menguatkuasakan semula PKP bermula 13 Januari sehingga 26 Januari 2021 bagi membendung penularan wabak COVID-19 di beberapa negeri di Malaysia. Penurunan kedatangan pelancong dijangka melebihi 70 peratus ekoran daripada pembatalan tempahan hotel dan pakej percutian yang telah dibuat oleh pelancong daripada luar negeri tersebut. Prestasi KDNK bagi sektor Penginapan perbandingan suku tahun merosot sebanyak -53.4 peratus pada suku ketiga 2020.

2. Pengumuman Kerajaan untuk membenarkan sektor perladangan dan komoditi untuk beroperasi semasa tempoh PKP adalah bagi memastikan rantaian bekalan barang keperluan rakyat dapat diteruskan bagi tempoh tersebut. Langkah itu juga adalah wajar kerana Sektor Pertanian dan Perhutanan mencatatkan sumbangan sebanyak 7.9 peratus kepada KDNK bagi suku ke tiga 2020. Di samping itu bagi memastikan sumber pendapatan pekebun kecil tidak terjejas sepanjang tempoh ini.

3. Inisiatif Kerajaan untuk memberi bantuan kewangan *one-off* sebanyak RM500 kepada pemandu bas dan teksi dijangka dapat memberi kelegaan dan nafas baharu kepada pemain dalam industri pengangkutan. Pakej ini memberi suntikan ekoran daripada sumbangan Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan sebanyak 5.6 peratus kepada sektor Perkhidmatan bagi suku ke tiga 2020.

4. Pelbagai inisiatif kerajaan bagi membantu meningkatkan industri Perikanan terutama nelayan tempatan yang terkesan dengan pelaksanaan PKP. Impak positif ini memberi kesan kepada rantaian permintaan dan bekalan makanan sebanyak RM2.055 juta sepanjang PKP 18 Mac hingga hari ini. Subsektor Perikanan menyumbang nilai ditambah sebanyak 11.4 peratus kepada Sektor Pertanian bagi tempoh suku ketiga 2020.

| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro** | **KPDNHEP sangkal harga minyak masak paket melambung**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyangkal dakwaan mengatakan harga minyak paket satu kilogram (kg) dijual pada harga tinggi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, minyak masak dalam bentuk pembungkusan satu kg adalah barang kawalan bersubsidi sejak 2007 yang dijual pada harga RM2.50. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/665072/kpdnhep-sangkal-harga-minyak-masak-paket-melambung |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **KOSMO** | **Diskaun khas bil elektrik 10 peratus Januari hingga Mac**<br><br>Kerajaan bersetuju untuk memberikan diskaun khas bil elektrik sebanyak 10 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac depan kepada enam sektor perniagaan di seluruh negara.<br><br>Di samping itu, rebat elektrik diberikan kepada semua pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB), domestik dan bukan domestik pada kadar 2 sen setiap kilowatt sejam. | https://www.kosmo.com.my/2021/01/18/diskaun-khas-bil-elektrik-10-peratus-januari-hingga-mac/ |
| 3. | **Berita Harian** | **Pengecualian cukai jualan kenderaan dilanjut hingga 30 Jun**<br><br>Kerajaanmelanjutkan pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang jenis pemasangan tempatan dan import siap sehingga 30 Jun depan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/777499/pengecualian-cukai-jualan-kenderaan-dilanjut-hingga-30-jun |
| 4. | **Malaysia Kini** | **Hanya 3 kg minyak masak subsidi bagi setiap pelanggan**<br><br>Penjual runcit dibenarkan untuk mengenakan had pembelian minyak masak pek polibeg 1 kilogram (kg) sebanyak tiga unit bagi setiap transaksi untuk setiap pelanggan berkuatkuasa 19 Jan. | https://www.malaysiakini.com/news/559754 |
| 5. | **Malaysia Kini** | **Sejuta isi rumah miskin jika tiada bantuan PKP 2.0**<br><br>Statistik bagi tahun 2019 menunjukkan bahawa hampir 17% isi rumah (1.2 juta) berada | https://www.malaysiakini.com/news/559149 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dalam kemiskinan relatif. Pendapatan mereka kurang daripada separuh pendapatan penengah keseluruhan isi rumah Malaysia sebanyak RM5,873, iaitu tidak mencecah RM3,000 sebulan.<br>Sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan, ramai akan terpaksa bergantung kepada simpanan. Namun, terdapat ramai isi rumah Malaysia yang tidak mempunyai jumlah simpanan yang mencukupi untuk menghadapi kejutan ekonomi. | |
| 6. | **The Malaysian Reserve** | **MCO extension to hit economy, small biz further: MEDAC**<br><br>A prolonged Movement Control Order (MCO) will hit the economy further and affect the lower income group the most, says Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar<br>Micro and informal business owners mostly do not have the financial muscle to absorb the financial losses due to this lockdown<br>Based on surveys conducted by MEDAC, among the main challenges that entrepreneurs will face during MCO 2.0 period are cash flow constraints and lower sales volume.<br>The ministry said this is largely due to the decline in customer demand as well as shorter business operations duration. | https://themalaysianreserve.com/2021/01/17/mco-extension-to-hit-economy-small-biz-further-medac/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Supply chain may also be affected due to logistical issues and delays in delivery of raw materials as a resultof the restricted movements. According to the ministry, for the cooperative sector, business activities that are expected to be significantly affected by this MCO and nationwide state of emergency declaration are tourism, agriculture, wholesale as well as retail. | |
| 7. | **Berita Astro Awani** | **PKP 2.0: Bantuan pindahan tunai perlu diteruskan dan segerakan – Penyelidik**<br><br>Penyelidik Bersekutu Khazanah Research Insititute, Adam Manaf Mohamed Firouz berkata, Kaedah ini paling fleksibel bagi setiap isi rumah kerana memenuhi keperluan asas masing-masing.<br>Kajian UNICEF (Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) di Projek Perumahan Rakyat di Kuala Lumpur mendapati skim BPN ialah bantuan yang paling membantu sepanjang tahun lepas. Oleh itu, saranan supaya bantuan tunai seperti ini haruslah diteruskan.<br><br>Kajian UNICEF yang sama mendapati ramai responden lebih lebih suka jika bantuan disalurkan lebih lestari supaya tidak perlu hanya bergantung kepada bantuan tunai | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-20-bantuan-pindahan-tunai-perlu-diterus-dan-segerakan-penyelidik-278393 |

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak masak paket satu kilogram adalah barang kawalan bersubsidi yang dijual pada harga RM2.50 sejak tahun 2007, dan harga minyak tersebut kekal pada harga RM2.50 walaupun ketika PKP 2.0 dilaksanakan.

2. Bermula Januari hingga Jun 2021, melalui pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Kerajaan telah memberikan diskaun elektrik sebanyak 2 sen/kilowatt sejam bagi pengguna domestik dan bukan domestik.

3. Dalam pengumuman khas pakej PERMAI, pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang jenis pemasangan tempatan dan import telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021.

4. Minyak masak dalam bungkusan polibeg 1kg merupakan barang kawalan yang diberikan subsidi di bawah Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS). Kerajaan komited dalam memastikan kestabilan bekalan minyak masak polibeg 1kg bersubsidi, untuk memastikan rakyat boleh mendapatkan bekalan minyak masak untuk kegunaan isi rumah dengan harga yang ditetapkan iaitu RM2.50 sekilogram, khususnya dalam cabaran situasi pandemik Covid-19.

5. KPDNHEP membuat pemantauan 11 barangan keperluan asas iaitu gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, sayur-sayuran, ayam, telur, bawang dan pelitup muka bagi memastikan ianya mencukupi di pasaran.

6. Isi rumah Malaysia tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menghadapi kejutan ekonomi akibat PKP 2.0

7. Antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan semasa PKP 2.0 adalah kekangan aliran tunai dan jumlah jualan yang lebih rendah disebabkan penurunan permintaan pelanggan; serta jangka waktu operasi perniagaan yang lebih pendek ketika PKP. Bekalan mentah juga terjejas akibat daripada pergerakan yang terhad.

8. Bilangan isi rumah miskin di Malaysia masih di pandang rendah, berkemungkinan disebabkan perbelanjaan dan pengunaan isi rumah terhadap barangan keperluan asas bukan makanan (pakaian, perumahan, pengangkutan) adalah kurang separuh daripada barangan bukan makanan dan perkhidmatan.

9. Kajian UNICEF di PPR Kuala Lumpur mendapati skim BPN adalah bantuan paling membantu semasa PKP dan disaran untuk diteruskan. Responden juga lebih suka jika bantuan yang disalurkan lebih lestari dan tidak bergantung kepada bantuan tunai sahaja.

10. Program rangsangan baru perlu dirangka dengan segera dengan berdasarkan pengalaman yang dipelajari daripada PKP 1.0, bantuan yang diperkenalkan haruslah mengambilkira aspek liputan (“breadth”) dan kecukupan (“depth”) agar semua rakyat Malaysia dilindungi seadilnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian ambil maklum berkenaan harga minyak masak paket 1kg subsidi pada harga RM2.50 dan akan memastikanharga yang dipungut adalah kekal sebagaimana yang telah ditetapkan oleh KPDNHEP.

2. Bahagian akan memastikan diskaun elektrik sebanyak 2 sen/kilowatt sejam diambil kira dalam pengiraan IHP 2021 bagi item penggunaan 500kwh dan 200kwh.

3. Bahagian mengambil maklum dan akan memastikan pengecualian cukai jualan kenderaan ini digambarkan dalam pengiraan IHP 2021.

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **MStar Online** | **Tambah 6 lagi negeri! Kerajaan umum PKP di seluruh negara kecuali Sarawak bermula Jumaat**<br><br>Menurut Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Perlis merupakan negeri terbaharu dikenakan PKP bermula 22 Januari (Jumaat) sehingga 4 Februari 2021. | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/01/19/tambah-6-lagi-negeri-kerajaan-umum-pkp-di-seluruh-negara-kecuali-sarawak-bermula-jumaat |
| 2. | **Harian Metro** | **178,370 pekerja asing sudah jalani saringan Covid-19**<br><br>Seramai 178,370 pekerja warga asing di negara ini sudah menjalani ujian saringan Covid-19, membabitkan 6,677 majikan sehingga semalam. Daripada jumlah itu, sebanyak 3,520 disahkan positif Covid-19, manakala 174,850 lagi adalah negatif. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/666314/178370-pekerja-asing-sudah-jalani-saringan-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Harian Metro** | **Vaksin Covid-19: Bakal terima awal Mac depan**<br><br>Kumpulan pertama di kalangan rakyat Malaysia akan menerima vaksin Covid-19 pada awal Mac depan sebaik bekalan diterima dari pengeluar penghujung Februari ini. Program vaksinasi ini dijangka berjalan secara berperingkat sehingga tempoh keseluruhannya selama 12 bulan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/665534/vaksin-covid-19-bakal-terima-awal-mac-depan |
| 4. | **Harian Metro** | **Bukti kerajaan utamakan kesihatan rakyat**<br><br>Pengumuman pakej bantuan khas oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin membuktikan kerajaan meletakkan kesihatan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi. pakej itu membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai sumber mencukupi untuk memastikan sistem kesihatan awam akan terus berkhidmat kepada rakyat bagi memerangi pandemik Covid-19. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/665530/bukti-kerajaan-utamakan-kesihatan-rakyat |
| 5. | **Berita Harian Online** | **Akad nikah pengantin dari luar Pahang ditangguhkan**<br><br>Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Datuk Dr Zulkifli Ali, berkata penangguhan itu berikutan larangan rentas negeri sama ada pengantin dari negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) atau PKP Pemulihan (PKPP). Katanya, jika terdapat keperluan mengadakan akad nikah disebabkan sudah | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/01/776511/akad-nikah-pengantin-dari-luar-pahang-ditangguhkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | diberikan kebenaran lebih awal, iaitu sebelum 13 Januari lalu, majlis itu hendaklah diadakan di Pejabat Agama Islam Daerah. | |
| 6. | **BERNAMA** | **Kerajaan setuju lanjut operasi premis jual makanan hingga 10 malam - Ismail Sabri**<br><br>Kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh operasi semua jenis premis menjual makanan dan perkhidmatan penghantaran makanan di negeri-negeri yang tertakluk di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sehingga pukul 10 malam bermula esok. | https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1924410 |

Penemuan penting & isu:

1. Sehingga kini, sebanyak 840 klinik terbabit dengan program saringan berkenaan selepas kerajaan mengarahkan semua pekerja warga asing menjalani ujian terbabit. Ini khususnya bagi enam negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Kuala Lumpur dan Labuan dengan kos ujian saringan ditanggung oleh majikan masing-masing.

2. Tempoh program vaksin itu dapat meliputi lebih daripada 80 peratus atau kira-kira 27 juta rakyat Malaysia menjelang suku pertama 2022.Kerajaan menyediakan dana tambahan sebanyak RM1 bilion merangkumi hampir RM800 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan selebihnya kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga agensi lain yang terbabit. Penyediaan peruntukan ini menumpukan kepada bekalan antaranya tambahan reagen dan kit saringan serta peralatan perlindungan diri (PPE) terutama kepada petugas kesihatan.

3. Bagi mengintegrasikan perkhidmatan kesihatan negara, sebanyak RM100 juta turut disediakan untuk merealisasikan kerjasama dengan hospital swasta di mana hospital swasta akan menerima dan merawat pesakit Covid-19 serta bukan Covid-19. Ia bertujuan mengurangkan kesesakan bilangan pesakit Covid-19 yang menerima rawatan daripada sektor kesihatan awam khususnya di hospital Covid-19.

4. Borang permohonan khas majlis akad nikah dalam tempoh PKP/PKPB/PKPP perlu diisi. Kehadiran hanya tiga orang sahaja, iaitu pengantin lelaki dan

perempuan serta wali, manakala dua saksi dan jurunikah akan ditentukan kadi daerah.Syarat tambahan ialah mengemuka kebenaran rentas negeri, keputusan kit ujian pantas (RTK) antigen (RTK-Ag) COVID-19 yang dibuat dalam tempoh 72 jam dari tarikh majlis akad nikah, bagi setiap individu yang hadir dari luar Pahang ketika memasuki Pejabat Agama Islam Daerah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diseluruh negara kecuali Sarawak akibat peningkatan kes pandemik Covid-19 menyebabkan tempoh pembancian Fasa Kedua Banci 2020 bermula 20 Januari 2021 hingga 6 Februari 2021 disusun semula.

2. Data semasa ini membantu kepada pelaporan data penduduk bukan warganegara bagi kategori pekerja asing.

3. Penerimaan vaksin ini akan menambahbaik sistem kesihatan Malaysia dan mengurangkan kebolehjangkitan covid-19 di kalangan masyarakat.

4. Bilangan perkahwinan pada tahun 2021 akan menurun berikutan penangguhan perkahwinan disebabkan syarat baru yang telah ditetapkan.

5. Kadar capaian internet adalah merupakan salah satu maklumat yang akan dikutip dalam Banci 2020.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Penjaja kecil dibenarkan berniaga ketika darurat**<br><br>Penjaja kecil yang berniaga di beberapa Kawasan di ibu negara dibenarkan beroperasi dalam tempoh pelaksanaan darurat dan lesen terus diberi percuma.<br><br>Mereka hanya perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775675/penjaja-kecil-dibenar-berniaga-ketika-darurat |
| 2. | **Berita Harian** | **Khidmat Grab beroperasi seperti biasa sepanjang PKP**<br><br>Khidmat Grab yang terdiri daripada penghantaran makanan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/775665/khidmat-grab- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (GrabFood), pembelian barangan (GrabMart), penghantaran bungkusan (GrabExpress) dan e-hailing (Grab Transport) beroperasi seperti biasa dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Selain itu, melalui GrabProtectrangkaian pemandu dan penghantaranmendapat akses mudah pelitup muka, cecair pencuci tangan, pembersih dan penyembur pembasmi kuman melalui platform GrabBenefits.<br><br>Pemandu atau rakan penghantaran Grab akan menerima sehingga RM1,000 bagi membantu keperluan perubatan jika mereka diuji positif (COVID-19) atau sehingga RM350 jika diminta untuk mengasingkan diri bagi tujuan pencegahan. | beroperasi-seperti-biasa-sepanjang-pkp |
| 3. | **Harian Metro** | **PKP kali ke 2, peniaga lebih tenang dan bersedia**<br><br>Perniaga lebih bersedia menghadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali ini kerana mempunyai pengalaman berdepan situasi seperti ini pada tahun lalu.<br><br>Mereka lebih bersedia dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) iaitu tidak membenarkan pelanggan makan di dalam premis. PKP kali ini juga memberikan sedikit kelonggaran kepada orang ramai membolehkan peniaga untuk | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/663687/pkp-kali-ke-2-peniaga-lebih-tenang-dan-bersedia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | terus beroperasi berbanding dengan PKP tahun yang lalu. | |
| 4. | **Berita Harian** | **Tiada kompromi jamin kesejahteraan rakyat**<br><br>Kerajaan akan terus memastikan kesejahteraan rakyat dari segi kesihatan dan ekonomi walaupun negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.<br><br>Kementerian Kewangan (MoF) memberi jaminan ekosistem kewangan negara masih berdaya tahan dan mempunyai sistem pengurusan dan pengawalseliaan yang kukuh. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/776131/tiada-kompromi-jamin-kesejahteraan-rakyat |

Penemuan penting & isu:

1. Penjaja kecil yang berniaga di beberapa Kawasan di ibu negara dibenarkan beroperasi dalam tempoh pelaksanaan darurat.

2. Perkhidmatan Grab beroperasi seperti biasa dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Kesejahteraan rakyat dari segi kesihatan dan ekonomi akan terus terjamin walaupun berhadapan pandemik Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh, kadar pengangguran pada bulan November 2020 adalah sebanyak 4.8 peratus meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya. Tindakan kerajaan yang membenarkan perkhidmatan grab dan pengangkutan awam terus beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dijangka membantu mengurangkan kesan terhadap kenaikan kadar penggangguran terutamanya kehilangan pekerjaan di dalam sektor informal.

2. Aktiviti perniagaan bagi penjaja dan peniaga kecil dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanakan PKP dan juga bantuan PERMAI yang diumumkan oleh kerajaan membolehkan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup. Berdasarkan Survei Sektor Informal 2019, bilangan guna tenaga di dalam sektor informal adalah sebanyak 1.26 juta orang.

3. Kesejahteraan rakyat adalah perkara yang perlu diberi perhatian semasa musim pandemik ini bagi memastikan taraf kehidupan kekal baik. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2019 meningkat 0.6 peratus kepada 121.0 mata berbanding 120.3 mata pada 2018.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian** | **MAFI lancar Pasar Mini NEKMart**<br><br>YB Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berharap Pasar Mini NEKMart ini dapat membantu usahawan bimbingan MAFI dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) terutama persatuan nelayan dan kawasan, usahawan bumiputera dan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang turut terjejas akibat Covid-19. | https://www.sinarharian.com.my/article/118836/BERITA/Nasional/MAFI-lancar-Pasar-Mini-NEKMart |
| 2. | **The Edge Markets** | **Palm set for best year since 2011 with La Nina in spotlight**<br><br>Palm oil prices are set to have their best annual showing in a decade even as the coronavirus pandemic rages on.<br><br>Appetite for palm oil will be closely watched this year, especially in biggest consumers India and China. Palm's recent rally has taken a toll on shipments to price-sensitive India and may face further headwinds from the growth of its domestic oilseed crops.<br><br>In China, a rebound in hog herds has prompted record high imports of soybeans, from which soybean meal, a feed ingredient, is | https://www.theedgemarkets.com/article/palm-set-best-year-2011-la-nina-spotlight |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | produced. Crushing also yields soybean oil, which could dampen the need to buy palm oil. | |
| 3. | **Harian Metro** | **Bekalan ikan cukup di Kuala Lumpur**<br><br>Warga kota tidak perlu panik berlaku kekurangan bekalan ikan berikutan bahagian ikan di Pasar Borong Kuala Lumpur ditutup selepas merekodkan kes positif Covid-19. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/665153/bekalan-ikan-cukup-di-kuala-lumpur-metrotv |
| 4. | **Bernama** | **Tiada sambutan Thaipusam, permintaan kelapa merudum**<br><br>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermakna tiada sambutan Thaipusam tahun ini, menyebabkan pembekal buah kelapa, bahan penting dalam sambutan itu, menanggung kerugian dan terpaksa mencari jalan lain bagi memasarkan kelapa yang ditempah awal. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1923793 |
| 5. | **The Star** | **PPE Waste posing a big threat**<br><br>As the whole world battles the Covid-19 pandemic, the use of face masks has become a daily necessity but experts are increasingly concerned that the indiscriminate disposal of surgical face masks is harming wildlife. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/20/ppe-waste-posing-a-big-threat |

Penemuan penting & isu:

1. MAFI memainkan peranan penting memastikan kesinambungan bekalan makanan negara kekal terjamin sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Pasar mini NEKMart ini dapat membantu usahawan untuk menjual produk makanan malah berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran produk.

2. *A bullish cocktail of La Nina-linked flooding and shrinking inventories in Malaysia is bolstering the market, but prices may come under pressure in the second half as production of palm, as well as soybean oil, rebounds. Food and fuel demand is shrouded in uncertainty as the virus persists in key markets. With lower production and the lowest stockpiles in years, crude palm oil prices are expected to stay elevated up to the middle of February, but to ease thereafter as production begins to recover and stocks grow from March onwards.*

3. Pengguna di Kuala Lumpur yang memerlukan bekalan ikan boleh ke pasar raya lain kerana dari segi harga masih di tahap mampu beli. Mengenai bekalan ikan pula walaupun Pasar Borong tutup tapi tiada masalah bekalan dan mencukupi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

4. Syarikat Joez Coconut langsung tidak menerima permintaan walaupun sudah menempah 80,000 biji kelapa sebagai persediaan untuk sambutan Thaipusam. Permintaan yang berkurang dijangka sehingga ke perayaan Aidilfitri.

5. Personal protective equipment (PPE) such as gloves and face masks is a new category in types of marine debris collected during the annual International Coastal Clean-up (ICC) Day on September 19 last year, said a marine conservation organisation Reef Check Malaysia (RCM). SWCorp research and technology division director Zulkifli Tamby Chik said that an estimated 86 tonnes of face masks are disposed off daily in the country. This makes up about 0.2% of the 38,000 tonnes of waste that is collected in the country everyday.Waste experts estimate that at least 10 million single-use face masks are used and discarded daily in the country.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPAS mengambil maklum pengwujudan Pasar Mini NEKMart untuk membantu usahawan bimbingan MAFI dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Ini bagi memastikan jaminan bekalan makanan semasa PKP akan terjamin. Berdasarkan inisiatif ini, dijangkakaan jumlah pendaratan ikan dan pengeluaran akuakultur tidak terjejas. Statistik ini turut diterbitkan dalam penerbitan Indikator Pertanian Terpilih (IPT) secara tahunan. IPT 2020 telah diterbitkan pada 27 November 2020.

2. Penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) juga meliputi item tanaman. Pada 2021, dijangkakan akan berlaku sedikit penurunanpengeluaran kelapaberikutan kurang permintaan akibat penularan COVID-19. Pada 2019, pengeluaran kelapa ialah 536,605.7 tan metrik meningkat berbanding 491,465.4 tan metrik pada 2019. Manakala penggunaan per kapita adalah 22.7 kg/tahun pada 2019 meningkat dari 21.4 kg/tahun berbanding tahun sebelumnya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3. BPPAS mengambil maklum kenyataan daripada pihak SWCorp yang menganggarkan sebanyak 86 tan metrik topeng muka dibuang setiap hari di negara ini iaitu 0.2 peratus daripada 38,000 tan metrik sampah yang dikumpulkan di negara ini setiap hari. Disamping itu, dianggarkan sekurang-kurangnya 10 juta topeng muka (single-use face masks) digunakan dan dibuang setiap hari. Merujuk kepada sumber data oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pada tahun 2019 jumlah kutipan sisa pepejal[1] yang direkodkan ialah 3,108.9 ribu tan metrik dan 2628.1 tan metrik (85%) adalah daripada sisa domestik atau sampah.<br><br>Nota: [1] Merujuk kepada peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang berkuatkuasa di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya. | | |
| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br><br>**Non-essential** | **Genting Malaysia announces temporary closure of resorts following MCO expansion**<br><br>Genting Malaysia Bhd (GenM)'s Resorts World Genting, Resorts World Away, Resorts World Kijal and Resorts World Langkawi will be temporarily closed following the implementation of the Movement Control Order (MCO) in six more states. | https://www.theedgemarkets.com/article/genting-malaysia-announces-temporary-closure-resorts-following-mco-expansion |
| 2. | **The Edge Market**<br><br>**Essential** | **MCO: Eateries allowed to operate until 10pm from tomorrow, says Ismail Sabri**<br><br>The government has agreed to allow eateries and food delivery services in states that come under the Movement Control Order (MCO) to operate until 10pm from tomorrow (Jan 22). | https://www.theedgemarkets.com/article/mco-eateries-allowed-operate-until-10pm-tomorrow-says-ismail-sabri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Consumers and traders told that the operation hours allowed, that is from 6am–8pm, was not suitable. | |
| 3. | **The Edge Market**<br><br>**Essential** | **Kenanga Research lauds govt's move to allow automotive plant activities**<br><br>Kenanga Research has lauded the Ministry of International Trade and Industry's (MITI) move to reinstate automotive manufacturing in the approved list of services in economic sectors allowed to operate during the second Movement Control Order (MCO 2.0), starting Jan 16, 2021.<br><br>MITI has given the green light for all automotive assembly plants covering vehicle and component manufacturing to continue operations, adding it to the list of essential services. The assembly plants involved were Perodua Rawang Plant, both Toyota's Bukit Raja and Shah Alam plants, Proton's Shah Alam plant and Honda's Pegoh plant in Melaka. | https://www.theedgemarkets.com/article/kenanga-research-lauds-govts-move-allow-automotive-plant-activities |
| 4. | **The Edge Market**<br><br>**Essential** | **Hoteliers say tourism sector 'neglected again' in Permai aid package**<br><br>Malaysian Association of Hotels (MAH) said other than the 10% | https://www.theedgemarkets.com/article/hoteliers-say-tourism-sector-neglected-again-permai-aid-package%C2%A0 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | discount on electricity from January to March this year, no other assistance had been extended to the hotel industry.<br><br>MAH also have repeatedly proposed to government for 50% wage subsidy for those earning up to RM4,000 and 30% for those up to RM8,000 in order for employers to retain jobs for the people. | |
| 5. | **The Edge Market** | **Govt unveils RM15b PERMAI stimulus package for MCO 2.0**<br><br>The government has unveiled PERMAI, its fifth economic stimulus package to date, worth RM15 billion spread over 22 initiatives aimed at combating the Covid-19 outbreak, safeguarding the welfare of the people and supporting business continuity following the implementation of the second movement control order (MCO 2.0). The initiatives included:<br><br>1) RM150 million allocated to recruit additional 3,500 healthcare personnel - comprising assistant medical officers, paramedics, laboratory technicians and nurses.<br>2) Wage Subsidy Programme 3.0 will be enhanced, additional allocation of RM1 billion, targeted to benefit 250,000 businesses | https://www.theedgemarkets.com/article/pm-muhyiddin-announces-rm15b-economic-stimulus-package-under-permai-scheme |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | employing more than 2.6 million workers. All employers in MCO states now eligible to apply, irrespective of sector. Eligible employers will receive a wage subsidy of RM600 for each of their employees earning less than RM4,000. The wage subsidy limit of 200 employees per employer increased to 500 employees.<br>3) Those whose contracts were not extended after having been renewed for at least three times previously are now eligible to apply for the Employment Insurance System (EIS) assistance at a rate of 30% of their monthly salary for a period of three months. | |
| 6. | **The Edge Market**<br><br>**Essential** | **Aviation sector to continue to face liquidity risk — HLIB Research**<br><br>Aviation sector expected to continue to face liquidity risk and subsequently liquidation risk without any support from the government as it sees continued limited demand for air travel in the near term in 2021.<br><br>All the airlines are currently undertaking restructuring exercises involving cost-cutting (including retrenchment/ furlough/ lower salaries), | https://www.theedgemarkets.com/article/aviation-sector-continue-face-liquidity-risk-%E2%80%94-hlib-research |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | renegotiating with suppliers, requesting for debt haircuts and raising new funds (equity and borrowings) in order to survive this difficult period. | |
| 7. | **The Edge Market**<br><br>**Essential** | **No construction during MCO — Works Ministry**<br><br>Construction work needs to be stopped during the Movement Control Order (MCO) period in the states involved with exemptions for work on the list of essential services including maintenance and critical repairs such as slope and road repairs; construction of major public infrastructure as well as building construction for projects that provide complete accommodation of workers on construction sites or Centralised Labour Quarters.<br><br>In addition, there will be exemptions for the operation of professional services/ consultants as well as other services within the supply chain such as supply of building materials and delivery of materials, limited to construction sites approved for operation.<br><br>All operating permits must be obtained from the International Trade and Industry Ministry (MITI) through MITI's Covid-19 | https://www.theedgemarkets.com/article/no-construction-during-mco-%E2%80%94-works-ministry |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Intelligent Management System (CIMS) portal. | |
| 8. | **The Edge Market** | **Interventions, economic recovery initiatives benefit labour market — Saravanan**<br><br>Policy interventions on supply and demand of the labour market through the National Economic Recovery Plan (PENJANA), and the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN), have contributed to job retention. Among stimulus packages introduced by government included the Wage Subsidy Programme, Employment Incentives, Employment Retention Programme and Employment Insurance Scheme (EIS) Plus.<br><br>Three key issues needed to be addressed, including professionals, managers, executives and technicians (PMETs) who were vulnerable in maintaining their jobs due to the economic crisis caused by the Covid-19 pandemic. Job vacancies concentrated in the non-PMETs category, representing 70% of total vacancies in the third quarter. | https://www.theedgemarkets.com/article/interventions-economic-recovery-initiatives-benefit-labour-market-%E2%80%94-saravanan |
| 9. | **The Edge Market**<br><br>**Non-essential** | **Extreme measures needed to save tourism industry in 'extreme distress', says MATTA**<br><br>The Malaysian Association of Tour and Travel Agents | https://www.theedgemarkets.com/article/extreme-measures-needed-save-tourism- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (MATTA) has urged the government to be proactive and come up with an enhanced and targeted rescue plan for tour and travel agents in light of the recent announcement of the movement control order (MCO). The association was disappointed that the government did not allocate funds for reskilling tourism workers at large apart from the 8,000 aviation workers as announced in Budget 2021.<br><br>MATTA also urged employees of travel agencies to go for reskilling during this challenging time. | industry-extreme-distress-says-matta |
| 10. | **The Edge Market** | **MCO: Penang govt approves RM20m financial assistance**<br><br>Penang government has approved a RM20 million financial package to help those affected by the second round of the movement control order (MCO), the details of the RM20 million financial aid would be announced later.<br><br>Penang State Executive Councillor for Tourism and Creative Economy will be proposing an extension of the six-month moratorium for repayment of the Penang Business Continuity Zero Interest Loan or Skim Peka 2.0. | https://www.theedgemarkets.com/article/mco-penang-govt-approves-rm20m-financial-assistance |

Penemuan penting & isu:

1. Resorts World Genting, Resorts World Away, Resorts World Kijal dan Resorts World Langkawi milik Genting Malaysia Bhd akan menutup sementara operasi berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melibatkan enam buah negeri.

2. Kerajaan bersetuju untuk membenarkan kedai makan dan perkhidmatan penghantaran makanan beroperasi sehingga jam 10 malam di negeri yang dikenakan PKP bermula 22 Januari 2021. Ini kerana, pelanggan dan penjual memaklumkan waktu pengoperasian yang dibenarkan sebelum ini iaitu dari jam 6 pagi sehingga 8 malam tidak bersesuaian.

3. Kenanga Research memuji langkah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memasukkan semula aktiviti pembuatan automotif di dalam senarai perkhidmatan diluluskan beroperasi sepanjang tempoh PKP kedua bermula 16 Januari 2021. Kilang pemasangan yang terlibat adalah kilang Perodua Rawang, kilang Toyota di Bukit Raja dan Shah Alam, kilang Proton di Shah Alam dan kilang milik Honda di Pegoh, Melaka.

4. *Malaysian Association of Hotels* (MAH) memaklumkan hanya bantuan 10 peratus diskaun bil elektrik daripada Januari hingga Mac tahun ini diperuntukkan kepada industri perhotelan. MAH berulang kali mencadangkan subsidi upah sebanyak 50 peratus bagi pekerja dengan gaji RM4,000 ke bawah dan 30 peratus daripada pekerja dengan gaji RM8,000 bagi mengekalkan pekerjaan.

5. Kerajaan mengumumkan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI), pakej rangsangan kelima berjumlah RM15 billion melibatkan 22 inisiatif dan tiga matlamat utama iaitu memerangi wabak COVID-19, memelihara kesejahteraan rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan semasa PKP kedua. Inisiatif termasuk:
   i. Kerajaan menambah lebih 3,500 petugas kesihatan yang akan bertugas penghujung Januari, dengan peruntukan tambahan RM150 juta
   ii. Program Subsidi Upah 3.0 di bawah PERKESO akan ditambah baik, semua majikan yang beroperasi semasa PKP kedua layak untuk memohon tanpa mengambil kira sektor (tambahan peruntukan RM1 bilion untuk 250 ribu majikan yang menggaji lebih 2.6 juta pekerja).
   iii. Program Subsidi Upah - Untuk tempoh satu bulan, majikan yang layak akan menerima subsidi upah berjumlah RM600 bagi setiap pekerja mereka yang bergaji kurang dari RM4,000, had pekerja 500.
   iv. Kontrak pekerja yang tidak disambung selepas sekurang-kurangnya tiga kali sebelum ini boleh memohon bantuan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) pada kadar 30 peratus daripada gaji bulanan selama 3 bulan.

6. Sektor penerbangan dijangka mengalami risiko kecairan dan seterusnya pembubaran tanpa sokongan dari kerajaan dengan permintaan terhad kepada perjalanan udara pada 2021. Semua syarikat penerbangan sedang melakukan penstrukturan semula termasuk pemotongan kos (pemberhentian, cuti tanpa gaji, pemotongan gaji), rundingan semula dengan pembekal, permohonan pemotongan hutang, pengumpulan dana baharu (ekuiti dan pinjaman) dalam usaha untuk bertahan dalam situasi yang sukar.

7. Kerja pembinaan dihentikan bagi negeri yang dilaksanakan PKP kedua dengan pengecualian kepada perkhidmatan penting termasuk pembaikan kritikal seperti cerun dan jalan raya; pembinaan infrastruktur besar termasuk pembinaan penginapan lengkap pekerja tapak pembinaan atau kuarters pekerja berpusat. Tambahan kepada operasi profesional atau perunding perkhidmatan dalam rantaian bekalan seperti bekalan dan penghantaran bahan binaan, terhad kepada tapak binaan yang diluluskan untuk beroperasi. Semua permit operasi haruslah diperoleh daripada MITI melalui portal COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS).

8. Polisi dalam penawaran dan permintaan pasaran buruh melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) telah menyumbang kepada pengekalan pekerjaan. Antara pakej rangsangan diperkenalkan termasuk Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) Plus. Terdapat tiga isu utama perlu diberi perhatian termasuk pengekalan pekerjaan kepada profesional, pengurus, eksekutif dan juruteknik (PMET) dalam krisis ekonomi disebabkan pandemik COVID-19. Kekosongan jawatan di luar kategori PMET menyumbang 70 peratus daripada jumlah kekosongan jawatan pada suku ketiga.

9. *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA) menggesa kerajaan proaktif dengan pelan pemulihan lebih bersasar kepada ejen pelancongan yang terjejas dengan pelaksanaan PKP kedua. Persatuan itu bagaimanapun kecewa kerana kerajaan tidak memperuntukkan dana bagi peningkatan kemahiran pekerja di sektor pelancongan seperti diumumkan dalam Belanjawan 2021 untuk 8 ribu pekerja sektor penerbangan. MATTA juga menyeru pekerja di agensi pelancongan untuk mengambil peluang meningkatkan kemahiran dalam situasi mencabar kini.

10. Kerajaan Pulau Pinang telah meluluskan pakej kewangan berjumlah RM20 juta bagi membantu mereka yang terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali kedua. Dicadangkan juga lanjutan 6 bulan moratorium bayaran balik Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang atau Skim Peka PKS 2.0.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST3 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 15,840.6 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,095.6 ribu
   iii) Penganggur: 745.0 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,324.6 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.4%
   vi) Kadar pengangguran: 4.7%

2. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST3 2020:
   i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,292 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,353 ribu (52.4%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,153 ribu (26.0%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,262 ribu jawatan diisi (15.2%).
   ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,544 ribu (18.6%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 927 ribu (11.2%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
   iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 559 ribu (6.7%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 410 ribu (4.9%).
   iv) Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) ST4 2020 disasar disebarkan pada 9 Februari 2021.

3. Statistik pekerja bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut*:
   i) Pertanian: 1,875 ribu orang
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 78 ribu orang
   iii) Pembuatan: 2,542 ribu orang
   iv) Pembinaan: 1,404 ribu orang
   v) Perkhidmatan: 9,197 ribu orang
   vi) Jumlah: 15,096 ribu orang

4. Statistik produktiviti buruh bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:

| **Aktiviti ekonomi** | **Produktiviti buruh mengikut jam bekerja** | | **Produktiviti buruh mengikut pekerja** | |
|---|---|---|---|---|
| | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan** | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan** |

| | | Tahunan (%) | | Tahunan (%) |
|---|---|---|---|---|
| Pertanian | 28.4 | 0.6 | 14,849 | 0.3 |
| Perlombongan dan pengkuarian | 458.8 | -4.5 | 278,831 | -4.6 |
| Pembuatan | 56.0 | 6.9 | 32,485 | 3.6 |
| Pembinaan | 17.9 | -9.0 | 10,583 | -10.2 |
| Perkhidmatan | 38.3 | -1.4 | 21,749 | -3.9 |
| **Jumlah** | **41.0** | **0.1** | **23,248** | **-2.2** |